

Nilai-nilai Semasa Dan Setempat Dalam Penentuan Hukum: Satu Perbincangan Awal

Dr. Abdul Karim Ali

Abstract

The article is an attempt to elucidate the paramount importance of local and contemporary values ('urf) in deriving ruling in Islam. Therefore, it tries to cover to the topic by explaining essential things such as concept, approaches as well as limitations.

Pendahuluan

Sebelum dibincangkan sejauhmanakah pengambilkiraan nilai semasa dan setempat dalam menentukan hukum, ada baiknya diterangkan beberapa prinsip umum Islam. Syariah Islam sebagaimana diketahui mempunyai doktrin-doktrin yang tetap, tidak berubah walaupun zaman dan masa berubah. Namun begitu, aplikasi daripada Syariah boleh menerima perubahan. Maksudnya, pemahaman ke atas nas-nas syarak serta penghasilan beberapa hukum boleh menerima perubahan berdasarkan faktor tertentu.¹

Perubahan ini sebahagiannya adalah berdasarkan perubahan nilai semasa dan setempat. Ini selaras dengan kaedah fiqh, "*hukum (fatwa) berubah akibat berubahnya masa, tempat dan suasana*". Keduaanya, di antara ciri-ciri istimewa fiqh Islam ialah keanjalan (*flexibility / al-murunah*). Maksudnya, hukum atau pemahaman ke atas Syariah adalah tidak statik. Penafsiran nas berdasarkan al-Qur'an, sunnah dan lainnya mungkin berbeza dengan berbezanya suasana setempat dan zaman atau faktor-faktor lain seperti mentaliti seseorang. Oleh itu, Islam boleh menerima kepelbagaian penafsiran terhadap nas-nas dengan sebab perbezaan nilai semasa dan setempat dan lain-lain demi menjaga kemaslahatan masyarakat Islam. Muhammad Yusuf Musa menyatakan terdapat enam ciri penting fiqh Islam. Di antara yang berkaitan di sini ialah menerima perkembangan (perubahan) mengikut perubahan suasana masa dan tempat.

Demikian juga para ulama' menyimpulkan bahawa di antara asas-asas umum perundangan Islam ialah:²

1. Tiada kesukaran (*'adam al-masyaqqah*) atau kesukaran diatasi (*raf' al-haraj*).
2. Meraikan kemaslahatan orang ramai.
3. Merealisasikan keadilan.

Bertolak dari asas-asas di atas, hukum-hukum Syarak dibina dan dikeluarkan oleh fuqaha' dan mujtahid dengan mengambilkira kemaslahatan orang ramai, kesukaran-kesukaran yang mungkin terjadi dan sebagainya. Semangat dari tiga asas di atas amat diambilkira selain dari *Maqasid al-Syariah* itu sendiri.

Konsep

Asas perbincangan pengambilkiraan nilai semasa dan setempat ini bolehlah dirujuk kepada beberapa kaedah di bawah:

1. *al-'adah muhakkamah*
(Adat atau *'urf* menentukan hukum)
2. *ma ra'ahu al-muslimun hasanan fa huwa 'inda Allah hasan*
(Apa yang dilihat baik oleh orang Islam dianggap baik juga oleh Allah)
3. *La yunkar tagayyur al-hukm bi tagayyur al-zaman.*
(Perubah hukum tidak ditolak kerana perubahan zaman)

Dari asas inilah ulama' mendasarkan pembinaan hukum dengan mengambilkira perubahan nilai masyarakat akibat dari perubahan masa dan tempat.

Dalam banyak hal, para fuqaha membina hukum berdasarkan *'urf* (nilai semasa dan setempat) penduduk sezaman dengannya. Sebab itulah terdapat ulama' mazhab terkemudian berbeza pandangan dengan fuqaha sebelumnya kerana perbezaan *'urf*. Ini dapat dilihat dari kes-kes dalam mazhab Hanafi. Abu Yusuf dan Muhammad b. Hasan al-Syaibani berbeza pendapat dalam banyak hal dengan guru mereka, Abu Hanifah, pengasas mazhab Hanafi. Ini disebabkan perbezaan dan perubahan masa dan tempat yang dilalui oleh mereka. Zaman yang telah dilalui oleh Imam Abu Hanifah mungkin berbeza dengan apa yang dilalui oleh murid kanan mereka tadi.

Jadi, perbincangan ini tidak dapat tidak akan membicarakan konsep *'urf* dalam perundangan Islam. Namun ianya tidaklah perlu dibahaskan secara terperinci mengenai *'urf* tersebut. Memadailah dengan menyebut *'urf salih (mu'tabar)* dan *'urf fasid* (yang tidak diambil kira oleh Syarak dalam penentuan hukum, walaupun ia merupakan amalan sesuatu kaum). Dalam pembinaan hukum, hanya *'urf salih* sahaja yang diambilkira oleh Syarak.

Terdapat beberapa pra-syarat yang mesti dipenuhi agar nilai semasa dan setempat (*'urf*) dapat diambilkira dalam pembinaan hukum.

1. Ianya tidak bercanggah dengan nas-nas syarak.
2. Ianya menggambarkan amalan orang ramai (majoriti).
3. Ianya sudah wujud ketika berlakunya sesuatu perkara (kontrak).

Urf (nilai semasa) yang tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Syariah adalah sah dan berautoriti dan ia mesti diambilkira kerana demi menjaga dan meraikan kemaslahatan dan kepentingan orang ramai.³ Sekiranya hal tersebut diabaikan, ia kemungkinan besar akan menyulit dan menyusahkan kehidupan mereka.

Pendekatan

Kalau ditoleh ke belakang, dalam sejarah pembinaan hukum Islam yang mana lahirnya pelbagai aliran mazhab adalah sebahagian besarnya dipengaruhi nilai semasa dan setempat. Aliran pemikiran atau metodologi *istinbat* (pengambilan) hukum setengah mazhab dipengaruhi persekitaran mazhab itu dilahirkan. Dengan kata lain, keadaan setempat dan semasa mencorak pemikiran dan prinsip-prinsip pengambilan dan pembinaan hukum sesebuah mazhab.⁴

Kelahiran mazhab Maliki sebagai contoh adalah dipengaruhi nilai setempat dan sezaman ketika itu. Kelahiran mazhab ini di Hijaz, yang mana Hijaz dikenali sebagai *madrrasah ahl al-Hadith wa al-Athar*. Begitu juga, Madinah terkenal dengan pegangan mereka dengan '*amal ahl al-Madinah*. Jadi, faktor setempat dan nilai sezaman itu telah mencorak pemikiran dan pembinaan hukum mazhab Maliki. Iaitu, dalam mengeluarkan sesuatu hukum, mereka banyak merujuk kepada hadith Rasulullah dan amalan penduduk Madinah. Prioriti yang diberikan kepada '*amal* tersebut adalah berasaskan bahawa Madinah merupakan tempat penurunan wahyu dan kediaman kebanyakan para Sahabat. Justeru itu, amalan penduduk Madinah menggambarkan penghayatan Islam yang diwarisi dari generasi Sahabat, Tabi'in dan seterusnya.

Begitu juga kelahiran mazhab Hanafi di Iraq. Iraq ketika itu dikenali sebagai pusat aliran/*madrrasah ahl al-ra'y*. Aliran yang banyak menggunakan pemikiran yang secara asasnya bertentangan dengan aliran *ahl al-hadith* di Hijaz. Begitu juga suasana Iraq ketika itu sebagai pusat bandaraya dengan kemajmukan masyarakatnya dan kepelbagaian peristiwa berlaku, mendorong mazhab ini banyak menggunakan *al-ra'y*, yang bukan semata-mata pandangan peribadi, tetapi berdasarkan kaedah-kaedah tertentu. Keadaan geografi antara Madinah dan Iraq membuatkan Abu Hanifah, pengasas mazhab Hanafi tidak mudah menerima sebarang hadith. Sebab itulah beliau hanya menerima hadith-hadith yang *mutawatir* atau *masyhur* sahaja.

Begitu jugalah halnya dengan mazhab Syafi'i. Kewujudan *qaul qadim* dan *qaul jadid* menjelaskan keadaan ini. Perpindahan al-Syafi'i dari Iraq ke Mesir memaksa beliau mengubah pendapat yang diberinya semasa di Iraq kepada pendapat yang lain yang lebih sesuai di Mesir kerana meraikan keadaan semasa dan setempat yang berlainan itu.

Kalau diterima kenyataan nilai semasa dan setempat mempengaruhi fuqaha' dalam

pembinaan hukum, justeru itu tidak semua fatwa dan hukum yang dihasilkan ulama' silam relevan dengan masyarakat sekarang, kerana nilai budaya masyarakat semasa dan setempat berbeza dengan nilai masyarakat dulu. Ini bukan bererti kita boleh menolak begitu sahaja warisan fiqh yang begitu bernilai yang telah dihasilkan oleh fuqaha dan ulama dahulu.

Sebagai contoh klasik yang menggambarkan pengambilkiraan nilai semasa dan setempat mempengaruhi sesuatu hukum ialah berkenaan unta yang kehilangan tuan.⁵ Pada zaman Rasulullah s.a.w. dan zaman pemerintahan 'Umar al-Khattab, unta tersebut dibiarkan sahaja berkeliaran kerana keadaan masyarakat masa itu, akhlak dan suasana ketika tidak memungkinkan unta akan dicuri orang. Maksudnya, akhlak masyarakat ketika itu masih utuh. Hukum yang dikeluarkan oleh Rasulullah itu berubah pada zaman berikut. Pada zaman pemerintahan 'Uthman b. 'Affan, beliau mengeluarkan perintah dan hukum bahawa unta tersebut hendaklah disimpan dan diberi kembali kepada tuannya jika bertemu. Perubahan hukum ini berlaku kerana keadaan masyarakat ketika itu tidak menjamin keselamatan unta tersebut. Ada kemungkinan ia dicuri orang.

Dari contoh di atas, kita dapat katakan perubahan nilai masyarakat semasa dan setempat diambilkira dalam menentukan sesuatu hukum. Kerana, dalam satu kes yang sama iaitu unta yang terbiar yang kehilangan tuan mempunyai dua hukum yang berlainan disebabkan masa dan zaman yang berlainan walaupun fakta kes sama.

Islam membenarkan '*urf* yang sahih sebagai dalil yang sah dalam menentukan hukum halal-haram. Kebanyakan hukum yang diasaskan kepada *al-ra'y*, *qiyas* dan *ijtihad* adalah berdasarkan kesesuaian dengan '*urf*. Jadi, kita dibenarkan meninggalkan hukum yang didasarkan pada '*urf* sekiranya ia berubah mengikut peredaran masa. Kebanyakan hukum yang dihasilkan oleh proses *ijtihad* boleh berubah dengan berubahnya masa dan suasana. Untuk menafikan perubahan sosial dalam penentuan hukum akan mendedahkan orang ramai kepada kesukaran, di mana kesukaran (*haraj*) diatasi dalam Islam. Sebagai contoh al-Syafi'i, mengubah *ijtihad* yang lalu dengan *ijtihad* baru yang disesuaikan dengan '*urf* setempat.⁶ Ini bukan bererti pengeluaran hukum hanya semata-mata untuk menghalalkan apa yang wujud dalam masyarakat (*tabrir al-waqi'*)

Pengambilkiraan nilai-nilai semasa dan setempat dapat juga dilihat dalam penggunaan kaedah *masalih mursalah* dan *istihsan*. Kedua-dua kaedah yang akhir itu tidak lain adalah untuk menjaga kepentingan masyarakat dan mengelakkan kesukaran (*masyaqah*) kepada mereka.

Mengikut al-Qaradawi, adalah suatu yang penting mengetahui perubahan keadaan manusia, samada ianya disebabkan oleh perubahan masa, perkembangan masyarakat atau kewujudan perkara-perkara yang bersifat darurat. Signifikannya keadaan di atas ialah, fuqaha yang mengeluarkan suatu fatwa harus mengubah fatwa yang lalu untuk disesuaikan dengan perubahan zaman, tempat, tradisi dan keadaan masyarakat.

Pendekatan ini sebenarnya berakar umbi dari pengalaman yang dilalui oleh generasi awal Islam, iaitu para Sahabat.

Al-Qaradawi mengusulkan agar ditinjau semula pandangan ulama terdahulu kerana kemungkinan pandangan tersebut hanya sesuai untuk zaman dan keadaan masa itu, dan tidak sesuai lagi untuk zaman sekarang ini yang mengalami pelbagai perubahan yang belum pernah terfikir oleh generasi dahulu.⁷ Generasi awal Islam telah melaksanakan tugas mereka dengan sebaiknya iaitu dengan mengambilkira enviromen/persekitaran, nilai-nilai setempat dan semasa dalam pembinaan sesuatu hukum atau fatwa.

Kadang-kadang pemahaman ke atas nas-nas samada Qur'an atau hadith berubah mengikut perkembangan zaman. Sebagai contoh perkataan *zarrah*. Penafsiran dan terjemahan perkataan tersebut berubah mengikut perubahan dan perkembangan dan kemajuan sains. Dahulunya diertikan sebagai biji sawi; kemudian atom dan akhir sekali nukleus, dan mungkin selepas ini akan timbul istilah lain yang lebih tepat kerana perkembangan sains dan teknologi.

Dalam merealisasikan kemaslahatan ummah, fuqaha' ataupun para mujtahid beralih dari hasil penggunaan *qiyas* kepada penggunaan metod pengambilan hukum yang lain, seperti *istihsan*, *maslahat* dan sebagainya. Soalnya kenapa? Kerana jika diaplikasikan dapatan dari penggunaan *qiyas* tersebut, ia akan menyusahkan orang ramai dan ia akan bertentangan dengan semangat syari'ah itu sendiri.

Batasan

Pengambilkiraan nilai-nilai semasa dan setempat pun ada batas dan sempadannya. Tidak semua nilai semasa sebuah masyarakat diambilkira.

Nilai-nilai setempat dan semasa yang amat bertentangan dengan syariah tidak dapat diambilkira. Sebagai contoh, Islam tidak dapat menghalalkan pengambilan arak dan juga *muamalah ribawi* walaupun ianya mungkin sudah menjadi amalan masyarakat setempat. Begitu juga sebagai contoh amalan masyarakat Arab pra-Islam yang tidak memberi hak pewarisan kepada kaum wanita. Nilai semasa dan setempat seperti ini tidak dipertimbangkan kerana ia jelas bertentangan dengan ajaran Islam.

Keduanya, batas atau halangan tersebut mungkin juga merujuk kepada pengamal undang-undang. Sejauh manakah mereka dapat menghayati prinsip perkembangan fiqh Islam serta fleksibilitinya. Dalam keadaan masyarakat yang berkembang dengan begitu pesat dan dengan perkembangan teknologi terkini, andainya teks-teks penulisan fuqaha' silam masih dijadikan satu-satunya sumber rujukan dalam membuat sesuatu hukum, maka perkembangan fiqh Islam tidak akan berkembang dengan kadar yang sepatutnya. Dengan itu pengamal undang-undang Islam sepatutnya melengkapi diri mereka dengan pelbagai disiplin ilmu berkaitan atau setidak-tidaknya mengikuti perkembangan yang berlaku. Memahami realiti dan perubahan masyarakat adalah penting agar segala hukum yang dikeluarkan itu bertepatan dengan semangat syariah dan prinsip-prinsipnya.

Kesimpulan

Dapatlah disimpulkan di sini bahawa memahami realiti masyarakat dan perubahannya adalah faktor penting dalam proses pembinaan hukum. Hukum-hukum yang dikeluarkan itu adalah ditujukan untuk masyarakat sezaman dengan fuqaha atau ulama' yang menfatwakannya, kerana mereka memahami dan insaf suasana masyarakat dan nilai yang membudayakan kehidupan masyarakat mereka. Oleh itu tidak adil rasanya, kita menghukum keadaan-keadaan terkini hanya berdasarkan keputusan-keputusan yang dikeluarkan beratus tahun dahulu. Nilai masyarakat dahulu tidak sama dengan nilai masyarakat sekarang kerana banyak perubahan yang berlaku samada kepada individu dan masyarakat dalam pelbagai aspek.

Nota Hujung

1. Al-Qaradawi, Yusuf, *'Awamil al-Si'ah wa al-Murunah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*, (1994), Kuwait: al-Diwan al-Amiri, hal. 74-5.
2. Muhammad Yusuf Musa, *al-Madkhal li Dirasah al-Fiqh al-Islami*, (1961), Cet. Kedua. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, hal. 127.
3. Mohammad Hashim Kamali, *Principles of Islamic Jurisprudence*, (1989), Petaling Jaya: Pelanduk Publications, hal. 360.
4. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, (1992), Cet. Kedua Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Universiti Malaya, hal. 98.
5. Muhammad Yusuf Musa, *al-Madkhal li Dirasah al-Fiqh al-Islami*, hal. 47
6. Kamali, *Principles of Islamic Jurisprudence*, hal. 361.
7. Al-Qaradawi, *Memahami Keutamaan Berasaskan al-Quran dan Al-Sunnah (Fi Fiqh al-Awlawiyyat Dirasah Jadidah fi al-Daw' al-Quran wa al-Sunnah)*, (1996), Petaling Jaya, ABIM, hal. 128-9.